

# Selesema burung

- Selesema burung atau Avian Influenza adalah sejenis penyakit berjangkit di kalangan ayam, itik dan burung-burung (unggas)
- Avian influenza disebabkan oleh virus influenza jenis A. Virus ini mempunyai pelbagai subtype. Wabak yang dilaporkan sekarang adalah disebabkan oleh virus H5N1. Virus jenis ini menyebabkan kadar kematian yang tinggi di kalangan unggas
- Burung air (*waterfowl*) merupakan perumah bagi virus penyakit ini
- Kebiasaannya, penyakit ini tidak menjangkiti manusia; tetapi kejadian terkini menunjukkan manusia boleh dijangkiti sekiranya terdedah kepada unggas yang berpenyakit



## SELESEMA BURUNG (Avian Influenza)

### Cara penyakit ini merebak


#### Dalam kalangan unggas

Penyakit ini merebak dalam kalangan unggas melalui cecair hidung, air liur dan najis. Virus ini boleh bertahan sehingga 30 hari dalam najis unggas.

#### Daripada unggas kepada manusia

Manusia boleh dijangkiti melalui:

- Kontak secara terus dengan ayam, itik dan lain-lain unggas yang berpenyakit serta hasilannya
- Najis dari unggas berpenyakit
- Air yang tercemar dengan najis unggas yang berpenyakit
- Barang-barang dan pakaian yang tercemar dengan najis unggas yang berpenyakit



### Tanda dan gejala

**Tanda-tanda dan gejala avian influenza adalah:**

- Demam kuat (melebihi 38°C)
- Batuk
- Sakit tekak
- Sakit kepala
- Sakit otot
- Sakit sendi
- Letih lesu

